

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2020)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS
PADA HARI AHAD, 1 DISEMBER 2019, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 1 (A161)**

Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah diambil semula serta nyatakan jumlah kos yang telah ditampung setakat ini bagi projek pembinaan Rumah Mampu Biaya(RMB) oleh Syarikat-syarikat Lantikan Kerajaan (GLC) yang terlibat.

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)
SOALAN 2 (A32)**

Bagi peningkatan prestasi dan kecemerlangan PDK, adakah perancangan kerajaan untuk mengupgradakan kelulusan petugas-petugas ke peringkat diploma pendidikan awal kanak-kanak?

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 3 (A192)**

Sila nyatakan jika berlakunya sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat atau pihak luar yang lain, contohnya sekatan perdagangan antara kerajaan negeri Johor dengan Iran, maka apakah tindakan dan cara kerajaan negeri Johor untuk menangani isu ini?

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 4 (A24)**

Apakah perkembangan projek RTS (Sistem Transit Rapid)?

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 5 (A78)**

Melalui Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI), berapa banyak peluang pekerjaan yang berjaya dihasilkan oleh kerajaan Negeri Johor?

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 6 (A111)

Minta nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi (bukan agensi Kerajaan Persekutuan) bagi membantu usahawan kecil dan sederhana (IKS) dalam keadaan ekonomi negara yang semakin lembap ketika ini.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 7 (A17)

Adakah kerajaan negeri sedia menyalurkan peruntukan kepada pemain-pemain seni daerah Mersing contohnya Buah Pukul Mersing atau Zapin Pulau dalam usaha menyambut Tahun Melawat Johor 2020?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 8 (A152)

Terdapat tanah dan rumah ditinggalkan terbiar, sehingga keadaannya yang tidak diurus telah mengganggu kesejahteraan di kawasan kejiranan. Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan dan apakah langkah yang boleh diambil kerajaan terhadap rumah dan tanah lapang terbiar ini?

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 9 (A130)

Nyatakan jumlah pekerjaan yang telah diisi oleh pekerja anak Johor dan jenis pekerjaan yang diceburi itu di negeri Johor.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 10 (A15)

Mohon JKR mengkaji Jalan Mersing - Endau yang kerap berlaku kemalangan apabila hujan sehingga menyebabkan kematian.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 11 (A157)

Apakah perkembangan terkini berkaitan draf perancangan bagi kaedah pembayaran petak parking kereta yang akan menggunakan aplikasi baru sebagai medium pembayaran yang baru serta nyatakan tempoh jangkamasa perlaksanaannya yang akan diselaraskan di seluruh PBT di Negeri Johor?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 12 (A14)

Apakah pelan tindakan jangka pendek dan panjang pihak kerajaan berkaitan penyusutan paras air di Empangan Labong sehingga membawa kepada bekalan air berjadual ketika ini?

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 13 (A66)

Apakah dapatan kajian yang menelan belanja RM1 juta terhadap pembangunan Pelabuhan Darat Segamat yang dijalankan antara usahasama Johor Corporation dengan Pelabuhan Darat Segamat, seperti yang disebut dalam Bajet 2019 Negeri Johor?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 14 (A156)

Sehingga kini, terdapat hospital yang masih tidak mempunyai Ahli Lembaga Pelawat yang mencukupi dan proses lantikan Ahli Lembaga Pelawat seperti telah dihentikan. Mengapa lantikan ini tidak lagi diteruskan sebagai mengambil langkah menjaga perhubungan di antara hospital dan komuniti tempatan?

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 15 (A53)

Nyatakan rancangan kerajaan dalam menangani atau membangun semula blok rumah pangsa Taman Jaya, Skudai yang diisytiharkan tidak selamat sejak tahun 2005.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 16 (A175)

Sila nyatakan jumlah pelaburan yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 dan 2018?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 17 (A160)

Adakah terdapatnya KPI untuk tempoh kitaran masa (Cycle Time) yang telah ditetapkan bagi setiap jenis permohonan sama ada berkaitan kerja-kerja mahupun permohonan lesen-lesen di setiap PBT serta adakah ianya dipantau dan dikawal selia?

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 18 (A75)

Minta dinyatakan apakah status terkini mengenai Pelan Transformasi Digital Negeri Johor yang telah diumumkan pada Belanjawan Johor 2019 lalu?

YB TUAN MOHD IZHAR AHMAD (LARKIN)
SOALAN 19 (A3)

Apakah pelan tindakan PBT dalam memastikan setiap lesen perniagaan yang dikeluarkan tidak disalahgunakan, ianya termasuk sektor atau zon perniagaan yang ditetapkan?

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 20 (A44)

Apakah langkah-langkah yang dilakukan PBT untuk meningkatkan mutu perkhidmatan aduan yang bersepadu dan responsif?

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)

SOALAN 21 (A189)

Seperti yang kita tahu isu LGBT sangat berleluasa sekarang ini, apakah usaha-usaha dan tindakan kerajaan negeri untuk membanteras isu tersebut supaya anak-anak muda tidak terjerumus dalam masalah LGBT?

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 22 (A45)

Adakah PBT ada menjalankan kajian lengkap dan survey terhadap kepuasan dan pendapat masyarakat terhadap perkhidmatan di setiap PBT sebagai rujukan untuk penambahbaikan dan sekiranya ada apakah dapatan kajian tersebut?

YB TUAN MOHD IZHAR AHMAD (LARKIN)

SOALAN 23 (A2)

Apakah mekanisme yang digunapakai oleh kerajaan dalam usaha pemantauan rumah-rumah PPR yang tidak didiami oleh pemohon sendiri?

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)

SOALAN 24 (A57)

Mohon isu Gajah di ladang-ladang dalam Gugusan Lok Heng segera diatasi dengan mempercepatkan binaan Pusat Santuari Gajah di Hutan Pantii.

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)

SOALAN 25 (A92)

LOT PTD 8217, Mukim Kahang, Kluang seluas 104 hektar dikenalpasti dijadikan TPKM. Sekiranya penempatan pengeluaran unggas dikumpulkan pada satu lokasi, risiko penyakit berjangkit berkaitan unggas (H1N1, H2N1) boleh melumpuhkan industri di tempat tersebut. Apakah langkah praktikal agar hal ini dapat dielakkan?

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 26 (A58)

Mohon dibangunkan satu kawasan khas perhentian R&R untuk lori di Pekan Yong Peng kerana Yong Peng menjadi hub kenderaan berat keluar masuk dari lebuh raya Utara-Selatan.

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)

SOALAN 27 (A90)

Setiap MPKK disediakan peruntukan Kerajaan Persekutuan RM100,000.00 kepada Kerajaan Negeri untuk kegunaan pengurusan kampung masing-masing. Berapakah jumlah MPKK yang didapati tidak menuntut peruntukan tersebut dan apakah status peruntukan yang tidak dituntut oleh MPKK yang berkenaan?

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)

SOALAN 28 (A91)

Jadual kerja yang fleksibel dan penggiliran syif yang disarankan bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan penguatkuasaan dilihat tidak relevan, ditambah pula kawasan perkhidmatan yang semakin meningkat. Adakah pihak kerajaan memperuntukkan untuk menambah pengambilan dan perjawatan untuk menampung kekurangan ini?

YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 29 (A113)

Tapak perniagaan diperlukan untuk masyarakat B40 di Taman Desa Jaya, Ehsan Jaya dan Desa Cemerlang. Apakah rancangan MBBJ untuk membantu golongan B40 diberi peluang untuk berniaga.

YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)

SOALAN 30 (A114)

Kesemua jalan-jalan perlu diperbaiki di kawasan Bandar Tiram. Apakah tindakan MBBJ?

YB DATUK SAMSOL BARI BIN JAMALI (SEMARANG)

SOALAN 31 (A98)

Apakah jenis-jenis pertanian yang diberi keutamaan oleh Kerajaan agar diusahakan oleh para petani berdasarkan permintaan dan pembekalan di negeri Johor.

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 32 (A142)

Minta penjelasan kedudukan kutipan Zakat Negeri bagi tahun 2018 dan tahun 2019 sehingga Oktober. Nyatakan jumlah perbelanjaan kumpulan wang zakat bagi tahun 2018 dan 2019. Nyatakan pecahan perbelanjaannya. Berapa ramai mereka yang telah dibantu kini mampu berdikari.

YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 33 (A207)

Bilakah Masjid Taman Flora akan mula dibina dan bolehkah kerajaan membenarkan Surau Taman Bukit Flora untuk mendirikan solat Jumaat untuk mengatasi masalah masjid solat jumaat yang sangat jauh dari kediaman mereka.

YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 34 (A115)

Tiada tempat sesuai untuk membuang sampah di Jalan Ahmad Dasuki Kampung Mulia. Mereka meletak truck sampah di kawasan perumahan dan kedai makanan. Apabila tong sudah penuh, mereka membuang merata tempat. Apakah tindakan MPPG.

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 35 (A22)

Kempen kitar semula telah bermula sejak 2014. Apakah perkembangan daripada kempen ini?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 36 (A123)

Apakah pencapaian usaha pengasingan sampah di Negeri Johor?

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 37 (A186)

Apakah garis panduan oleh kerajaan negeri yang telah ditetapkan untuk perobohan rumah ibadat bukan Islam yang didirikan atas tanah/kawasan awam?

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 38 (A199)

Apakah tindakan yang telah diambil untuk menangani sisa pepejal elektrik dan elektronik (E-waste) dalam Negeri Johor?

YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 39 (A208)

Bilakah masalah gangguan monyet dan babi mengganggu penduduk kampung akan selesai walaupun telah dibangkitkan dalam dewan ini beberapa kali.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 40 (A155)

Terdapat banyak rumah ibadat yang masih tidak mendapat kelulusan dari kerajaan. Apakah garis panduan yang menjadi rujukan Jawatankuasa Keselamatan Daerah atau Negeri, di dalam meluluskan sesebuah pembinaan rumah ibadat?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 41 (A163)

PBT telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap rumah burung walit yang mengakibatkan gangguan terhadap kawasan kejiranan dengan mengeluarkan notis amaran atau kompaun berjadual kepada pengusaha, apakah tindakan lanjutan PBT sekiranya rumah berkenaan masih tidak dipindahkan?

YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)
SOALAN 42 (A71)

Mohon diperluaskan kawasan pentadbiran PBT Pengerang melibatkan keseluruhan DUN Sedili meliputi Tanjung Sedili termasuk kampung-kampung bersebelahan, Mawai, Bandar Perani dan Gugusan Felda Aping. Bilangan penduduk akan meningkat kepada 150,000 orang berbanding bilangan sedia ada hanya 124,000 orang sahaja.

YB DATO' HAJI OSMAN BIN SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 43 (A41)

Berapakah jumlah kadar jenayah yang berlaku di negeri Johor bagi tahun 2019 mengikut daerah-daerah, pecahan jenis jenayah, tangkapan yang dibuat dan pendekatan untuk mengurangkan kadar jenayah?

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 44 (A64)

Adakah pegawai kerajaan negeri yang bertanggungjawab di dalam Unit Audit, sama ada peringkat negeri mahupun pada peringkat agensi bawah negeri mempunyai latar belakang perakaunan atau kemahiran yang sesuai bagi melaksana kerja audit secara berkesan?

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 45 (A137)

Apakah langkah-langkah yang telah dan bakal dilaksanakan ke arah reformasi institusi dan penambahbaikan pentadbiran jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), bagi meningkatkan tahap akauntabiliti, ketelusan, kecekapan perkhidmatan serta mengelakkan penyelewengan dan salah guna kuasa?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 46 (A166)

Bagaimana kerajaan negeri dapat memastikan pembangunan seimbang dan mampan di Johor Tengah?

YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI YASSIN (GAMBIR)
SOALAN 47 (A212)

YB Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Gambir meminta YAB Menteri Besar menyatakan pencapaian kerajaan negeri dalam membasmi kemiskinan dan membantu golongan B40 di negeri Johor.

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2020) TAHUN 2019

- 4.1 Ucapan Penggulungan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa
- 4.2 Ucapan Penggulungan YAB Menteri Besar Johor

5. RUNDINGAN / RANG UNDANG-UNDANG -

- 5.1 Rundingan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2020.
- 5.2 Rundingan Anggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2019.
- 5.3 Rundingan mengenai Pengisytiharan Harta Ahli Dewan Negeri Johor.
- 5.4 Rang Undang-Undang :
 - 5.4.1 Enakmen Perbekalan (2020) Tahun 2019.
 - 5.4.2 Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2019.

Persidangan ditangguhkan sehingga hari ke suatu hari yang akan diberitahu kelak.